

**SIRI JELAJAH PEMANTAPAN PENTADBIRAN KONTRAK  
SUBKONTRAKTOR DINAMAKAN**

BIL	SOALAN DAN JAWAPAN
1.(a)	<p><b>Bilakah tarikh masuk tapak bagi Subkontraktor Dinamakan?</b></p> <p>Menurut Klausu 29.1 Syarat-syarat Kontrak PWD 203N (Rev.1/2010), Subkontraktor Dinamakan hendaklah memulakan kerja setelah menerima arahan mula kerja secara bertulis daripada Kontraktor Utama dan hendaklah menyiapkan kerja dengan tekun dan teratur dalam tempoh subkontrak yang ditender oleh Subkontraktor Dinamakan.</p>
(b)	<p><b>Bolehkah tempoh penyiapan Subkontraktor Dinamakan melebihi baki tempoh penyiapan kerja bagi Kontraktor Utama disebabkan oleh kelambatan pihak Kerajaan dalam memperolehi tender subkontrak dinamakan dan sekiranya boleh bagaimanakah cara menanganinya?</b></p> <p>Tempoh penyiapan kerja Subkontraktor Dinamakan boleh melebihi baki tempoh penyiapan kerja Kontraktor Utama. Pihak Kerajaan boleh menamakan Subkontraktor Dinamakan kepada Kontraktor Utama tetapi dengan syarat satu lanjutan masa diberikan kepada Kontraktor Utama. Sekiranya ini tidak dilakukan, maka Kontraktor Utama boleh membantah penamaan Subkontraktor Dinamakan dan boleh enggan memasuki subkontrak dengan Subkontraktor Dinamakan tersebut.</p>
2.	<p><b>Bolehkah kadar-kadar atau jadual kadar harga atau Ringkasan Tender yang dimasuki oleh Subkontraktor Dinamakan diselaraskan?</b></p> <p>Tiada klausa dalam Syarat-syarat Kontrak dalam PWD 203N (Rev.1/2010) yang membolehkan P.P untuk membuat pelarasan kadar-kadar atau jadual kadar harga atau Ringkasan Tender.</p>
3.	<p><b>Perluakah P.P menyemak bon pelaksanaan dan insurans yang dikemukakan oleh Subkontraktor Dinamakan?</b></p> <p>Semakan bon pelaksanaan dan insurans yang dikemukakan oleh Subkontraktor Dinamakan adalah di bawah tanggungjawab Kontraktor Utama dan bukanlah menjadi tanggungjawab P.P untuk menyemak.</p>

**SIRI JELAJAH PEMANTAPAN PENTADBIRAN KONTRAK  
SUBKONTRAKTOR DINAMAKAN**

<b>BIL</b>	<b>SOALAN DAN JAWAPAN</b>
4.	<p><b>Siapakah yang mengeluarkan bon bagi kontrak kerja Subkontraktor Dinamakan?</b></p> <p>Subkontraktor Dinamakan yang bertanggungjawab untuk mengambil bon di atas nama Subkontraktor Dinamakan dan dikemukakan kepada Kontraktor Utama.</p>
5.	<p><b>Adakah Subkontraktor Dinamakan boleh mengemukakan bon pelaksanaan dalam bentuk Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP)?</b></p> <p>Menurut Klausula 28.1 Syarat-syarat Kontrak PWD 203N (Rev.1/2010), Subkontraktor Dinamakan hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan dalam bentuk Jaminan daripada Institusi Kewangan atau Draft Bank atau sejumlah tunai yang berjumlah 5% daripada Harga Subkontrak. Dalam hal ini tiada peruntukkan yang membenarkan Subkontraktor Dinamakan untuk mengemukakan WJP sebagai ganti.</p>

**SIRI JELAJAH PEMANTAPAN PENTADBIRAN KONTRAK  
SUBKONTRAKTOR DINAMAKAN**

BIL	SOALAN DAN JAWAPAN
6.	<p><b>Bagaimanakah penentuan nisbah bagi mengenakan <i>Liquidated and Ascertained Damages (LAD)</i> di antara Kontraktor Utama dan Subkontraktor Dinamakan? Adakah menjadi tanggungjawab P.P untuk menentukan pembahagian nisbah pemotongan tersebut?</b></p> <p>Menurut Klausula 31(a) Syarat-syarat Kontrak PWD 203N (Rev.1/2010), Subkontraktor Dinamakan hendaklah bertanggung membayar kepada Kontraktor Utama apa-apa kerugian atau kerosakan yang ditanggung oleh Kontraktor Utama yang disebabkan oleh kegagalan Subkontraktor Dinamakan dalam melaksanakan tanggungjawab subkontraknya.</p> <p>Menurut Klausula 31(b) Syarat-syarat Kontrak yang sama, Kontraktor Utama hendaklah memberi satu notis yang munasabah kepada Subkontraktor Dinamakan akan kerugian atau kerosakan yang ditanggung oleh Kontraktor Utama.</p> <p>Tetapi dengan syarat terlebih dahulu, P.P hendaklah mengeluarkan satu Perakuan Kerja Tidak Siap di bawah Kontraktor Utama yang disalinkan kepada Subkontraktor Dinamakan.</p> <p>Sehubungan dengan itu nilai LAD yang boleh dikenakan kepada Subkontraktor Dinamakan hendaklah berdasarkan kepada prosedur yang telah ditetapkan di dalam syarat-syarat subkontrak seperti di atas dan turut bergantung kepada sama ada Subkontraktor Dinamakan benar-benar menyumbang kepada kelewatan penyiapan keseluruhan projek. Dalam hal ini pihak Kerajaan tidak boleh campur tangan dalam menentukan jumlah nilai LAD yang perlu dikenakan kepada Subkontraktor Dinamakan oleh kerana tiada pertalian kontrak di antara keduanya.</p>

**SIRI JELAJAH PEMANTAPAN PENTADBIRAN KONTRAK  
SUBKONTRAKTOR DINAMAKAN**

BIL	SOALAN DAN JAWAPAN
7.	<p><b>Bolehkah LAD dipotong melalui bayaran kepada Subkontraktor Dinamakan seandainya kelewatan disebabkan oleh Subkontraktor Dinamakan?</b></p> <p>Seandainya terbukti kelewatan adalah berpunca daripada Subkontraktor Dinamakan, P.P akan membuat pemotongan nilai LAD bagi Subkontraktor Dinamakan berdasarkan nilai, alasan dan justifikasi daripada Kontraktor Utama.</p> <p>Walau bagaimanapun, nilai LAD tetap akan dibuat pemotongan ke atas Kontraktor Utama di dalam JKR 66, cuma pengurangan bayaran kepada Subkontraktor Dinamakan akan dibuat ke atas nilai yang sepatutnya dibayar pada Subkontraktor Dinamakan.</p> <p>Sebelum pemotongan dibuat kepada Subkontraktor Dinamakan, P.P perlu mendapatkan surat daripada Kontraktor Utama yang mengenakan LAD kepada Subkontraktor Dinamakan.</p>
8.	<p><b>Adakah Subkontraktor Dinamakan dibenarkan untuk membuat Penyerahan Hak kepada pembekal?</b></p> <p>Subkontraktor Dinamakan boleh untuk membuat Penyerahan Hak kepada pembekal. Meskipun penyerahan hak dibenarkan di bawah syarat-syarat kontrak dan pekeliling Perbendaharaan, amalan ini tidak digalakkan. Subkontraktor Dinamakan perlu memberi justifikasi yang kukuh di samping mendapatkan persetujuan daripada Kontraktor Utama dan P.P.</p>
9.	<p><b>Adakah Subkontraktor Dinamakan boleh membuat Penyerahan Hak dengan Bank seandainya Kontraktor Utama telah membuat Penyerahan Hak dengan Bank?</b></p> <p>Subkontraktor Dinamakan tidak dibenarkan membuat Penyerahan Hak dengan Bank seandainya Kontraktor Utama telah membuat Penyerahan Hak dengan Bank.</p>

**SIRI JELAJAH PEMANTAPAN PENTADBIRAN KONTRAK  
SUBKONTRAKTOR DINAMAKAN**

BIL	SOALAN DAN JAWAPAN
10.	<p><b>Di manakah pernyataan bahawa sekiranya Kontraktor Utama menyebabkan kelewatan kepada kemajuan kerja, maka Subkontraktor Dinamakan boleh memohon lanjutan masa?</b></p> <p>Tiada peruntukan di dalam syarat-syarat kontrak yang menyatakan Subkontraktor Dinamakan boleh memohon lanjutan masa sekiranya Kontraktor Utama menyebabkan kelewatan kepada kemajuan kerja.</p>
11.	<p><b>Adakah <i>Variation Of Price (VOP)</i> bagi Subkontraktor Dinamakan perlu dinilai setiap bulan?</b></p> <p>Ya. Penilaian perlu dibuat setiap bulan. Bayaran adalah bergantung kepada nilai kerja yang telah dilaksanakan.</p> <p>Walau bagaimanapun, Kerajaan telah memutuskan untuk memansuhkan syarat VOP bagi semua pelawaan perolehan kerja mulai 1 April 2015 termasuklah bagi kerja Subkontrak Dinamakan. Rujuk SA KPKR Bil. 9/2015.</p>
12.	<p><b>Jika barang sudah ditempah oleh Subkontraktor Dinamakan tetapi belum dihantar, adakah perlu dibayar?</b></p> <p>Bayaran tidak boleh dibuat sehinggalah barang-barang telah sampai ke tapak bina.</p>
13.	<p><b>Adakah Kontraktor Utama boleh mendapat lanjutan masa jika kelewatan disebabkan Subkontraktor Dinamakan?</b></p> <p>Kontraktor Utama layak untuk dipertimbangkan lanjutan masa atas sebab kelewatan Subkontraktor Dinamakan jika kelewatan tersebut adalah disebabkan oleh alasan yang dinyatakan dalam Klausa 43.1 (j) Syarat-syarat Kontrak PWD 203/203A (Rev 1/2010).</p>
14.	<p><b>Bolehkah Kontraktor Utama mengarahkan Kerajaan menahan bayaran kepada Subkontraktor Dinamakan?</b></p> <p>Kontraktor Utama boleh memohon kepada Kerajaan untuk membuat potongan bayaran kepada Subkontraktor Dinamakan atas sebab-sebab yang dibenarkan berdasarkan Syarat-syarat Kontrak. Ini bermaksud, potongan bayaran bagi tujuan <i>set-off</i> dibenarkan tetapi penahanan bayaran tidak boleh dibuat.</p>

**SIRI JELAJAH PEMANTAPAN PENTADBIRAN KONTRAK  
SUBKONTRAKTOR DINAMAKAN**

BIL	SOALAN DAN JAWAPAN
15.	<p><b>Perlukah P.P mengingatkan Kontraktor Utama supaya melanjutkan bon pelaksanaan Subkontraktor Dinamakan?</b></p> <p>Tidak perlu, kerana Subkontraktor Dinamakan boleh mendakwa Kerajaan mengganggu pelaksanaan kerjanya. Tambahan pula, ikatan kontrak adalah di antara Kontraktor Utama dan Subkontraktor Dinamakan.</p>
16.	<p><b>Pihak manakah yang patut menerima/menyimpan bon pelaksanaan Subkontraktor Dinamakan?</b></p> <p>Bon pelaksanaan Subkontraktor Dinamakan hendaklah diterima/disimpan oleh Kontraktor Utama kerana Subkontraktor Dinamakan adalah berkontrak dengan Kontraktor Utama.</p>
17.	<p><b>Adakah kerja-kerja kecacatan Subkontraktor Dinamakan ditanggung oleh Kontraktor Utama? Bolehkah Kerajaan memotong bayaran kepada Subkontraktor Dinamakan dan membayar kepada Kontraktor Utama apabila kerja kecacatan tersebut dibaiki oleh Kontraktor Utama?</b></p> <p>Kerja-kerja kecacatan Subkontraktor Dinamakan adalah ditanggung oleh Subkontraktor Dinamakan itu sendiri. Walau bagaimanapun, jika Subkontraktor Dinamakan tidak membaiki kecacatan, Kontraktor Utama akan bertanggungjawab ke atas kecacatan tersebut.</p> <p>Kontraktor Utama dan Kerajaan tidak berhak memotong bayaran Subkontraktor Dinamakan disebabkan oleh permintaan pihak Kontraktor Utama walaupun pihaknya telah membaiki kecacatan tersebut. Pemotongan bayaran Subkontraktor Dinamakan hanya boleh dibuat sekiranya ada persetujuan antara Kontraktor Utama dan Subkontraktor Dinamakan atau adalah keputusan hasil dari proses timbangtara atau penghakiman mahkamah.</p>
18.	<p><b>Bolehkah Wakil P.P Pakar mengeluarkan surat arahan kepada Subkontraktor Dinamakan untuk menjalankan kerja?</b></p> <p>Wakil P.P Pakar tidak boleh mengeluarkan surat arahan kepada Subkontraktor Dinamakan untuk menjalankan kerja kerana Kerajaan tidak mempunyai ikatan kontrak dengan Subkontraktor Dinamakan. Arahan kerja kepada Subkontraktor Dinamakan hanya boleh dikeluarkan oleh P.P kepada Kontraktor Utama sahaja.</p>

**SIRI JELAJAH PEMANTAPAN PENTADBIRAN KONTRAK  
SUBKONTRAKTOR DINAMAKAN**

BIL	SOALAN DAN JAWAPAN
19.	<p><b>Wajarkah P.P/Wakil P.P masuk campur/bermesyuarat dengan Kontraktor Utama dan Subkontraktor Dinamakan jika kedua-duanya ada masalah?</b></p> <p>Tidak wajar kerana dibimbangi kita memberi harapan/berjanji atas sesuatu perkara. Seeloknya perbincangan/mesyuarat diadakan dengan Kontraktor Utama sahaja.</p>
20.	<p><b>Adakah Subkontraktor Dinamakan perlu ada buku harian tapak bina sendiri?</b></p> <p>Satu projek hanya perlu ada satu buku harian tapak bina sahaja. Setiap kerja-kerja Subkontraktor Dinamakan juga dikemaskini bersekali dengan kerja Kontraktor Utama dalam satu rekod.</p>
21.	<p><b>Seandainya terdapat pertikaian antara Kontraktor Utama dan Subkontraktor Dinamakan, tetapi kedua-dua pihak tersebut tidak mahu membawa perkara tersebut ke timbangtara, apakah tindakan yang perlu dilakukan?</b></p> <p>Perakuan Muktamad harus disediakan dengan segera tanpa menunggu pertikaian di antara mereka selesai. Segala kerugian dan denda hendaklah dituntut daripada Kontraktor Utama.</p>
22.	<p><b>Kontraktor Utama telah dikenakan LAD dan sedang dalam proses timbangtara dengan Subkontraktor Dinamakan untuk menyelesaikan isu ini. Bolehkah Kontraktor Utama memohon untuk menanggungkan penyediaan Perakuan Muktamad sehingga keputusan timbangtara diperolehi?</b></p> <p>Proses timbangtara tersebut adalah isu berasingan di antara Kontraktor Utama dan Subkontraktor Dinamakan. Perakuan Muktamad perlu disediakan dan denda LAD terhadap Kontraktor Utama perlu dimasukkan di dalam pengiraan tersebut.</p>

**SIRI JELAJAH PEMANTAPAN PENTADBIRAN KONTRAK  
SUBKONTRAKTOR DINAMAKAN**

BIL	SOALAN DAN JAWAPAN
23.	<p><b>Kontraktor Utama telah dikenakan LAD dan Subkontraktor Dinamakan bersetuju untuk menanggung 50% dari jumlah LAD tersebut. Kontraktor Utama telah memohon kepada JKR untuk membuat potongan LAD tersebut daripada Subkontraktor Dinamakan yang dinyatakan.</b></p> <p>Kerajaan hanya berkontrak secara langsung dengan Kontraktor Utama dan tidak berkontrak dengan Subkontraktor Dinamakan manakala Kontraktor Utama berkontrak dengan Subkontraktor Dinamakan.</p> <p>LAD kepada Subkontraktor Dinamakan hanya boleh dibuat oleh Kontraktor Utama berdasarkan kepada syarat-syarat kontrak antara Kontraktor Utama dan Subkontraktor Dinamakan dengan syarat Perakuan Kerja Tidak Siap telah dikeluarkan oleh Kontraktor Utama kepada Subkontraktor Dinamakan tersebut dan bukannya dikenakan secara langsung oleh JKR terhadap Subkontraktor Dinamakan tersebut.</p>
24.	<p><b>Adakah senarai kecacatan yang dikeluarkan kepada Kontraktor Utama merangkumi senarai kecacatan Subkontraktor Dinamakan?</b></p> <p>Ya, senarai kecacatan yang dikeluarkan kepada Kontraktor Utama perlu merangkumi semua kecacatan kerja termasuk kerja-kerja yang dilaksanakan oleh Subkontraktor Dinamakan.</p>
25.	<p><b>Subkontraktor-subkontraktor tidak menerima bayaran daripada Subkontraktor Dinamakan. Bolehkah mereka menuntut daripada pihak Kerajaan menggunakan perkhidmatan peguam?</b></p> <p>Kerajaan tidak berkontrak dengan Subkontraktor Dinamakan. Kontrak adalah antara Subkontraktor Dinamakan dan Kontraktor Utama. Apa-apa tuntutan ke atas Subkontraktor Dinamakan mestilah melalui Kontraktor Utama.</p>
26.	<p><b>Wajibkah pemilik syarikat hadir ke mesyuarat tapak?</b></p> <p>Pemilik syarikat wajib hadir ke mesyuarat tapak. Jika pemilik syarikat tidak dapat hadir, wakil boleh dihantar dengan syarat terdapat perwakilan secara bertulis dan wakil tersebut boleh membuat keputusan bagi pihak kontraktor.</p>



**SIRI JELAJAH PEMANTAPAN PENTADBIRAN KONTRAK  
SUBKONTRAKTOR DINAMAKAN**

BIL	SOALAN DAN JAWAPAN
27.	<p><b>Seandainya sesuatu kontrak Kontraktor Utama ditamatkan, Subkontraktor Dinamakan yang asal boleh dilantik semula untuk kontrak baharu tetapi dengan syarat tiada kenaikan kos. Walau bagaimanapun, Subkontraktor Dinamakan hendaklah mengemukakan bon pelaksanaan dan insurans baharu kerana Kontraktor Utama adalah kontraktor yang berlainan. Adakah kos tersebut boleh dibayar melalui perubahan kerja?</b></p> <p>Sekiranya baki kerja masih banyak, wajarlah ditender semula dan Subkontraktor Dinamakan yang asal turut dipelawa. Sekiranya baki kerja hanya sedikit, tawaran bolehlah dibuat kepada Subkontraktor Dinamakan yang asal dengan surat tawaran menyatakan bahawa kos adalah termasuk bon pelaksanaan dan insurans. Oleh itu, kos bon pelaksanaan dan insurans bukanlah perubahan kerja.</p>
28.	<p><b>Adakah P.P boleh berurusan secara langsung dengan Subkontraktor Dinamakan?</b></p> <p>P.P tidak boleh berurusan terus dengan Subkontraktor Dinamakan. P.P hendaklah memberi arahan kepada Kontraktor Utama.</p>
29.	<p><b>Apabila Subkontraktor Dinamakan tidak melaksanakan kerja, adakah kita patut campur tangan? Bolehkah kita memberi nasihat kepada Kontraktor Utama atau kita tamatkan kerja Subkontraktor Dinamakan?</b></p> <p>Persoalan yang timbul ialah adakah kita berhak campur tangan atau setakat mana kita berhak campur tangan? Jika kemajuan kerja lewat, Kerajaan hendaklah merujuk kepada Kontraktor Utama. Kerajaan tidak berhak menamatkan pengambilan kerja Subkontraktor Dinamakan. P.P perlu menulis surat kepada Kontraktor Utama memaklumkan bahawa kerja-kerja secara keseluruhan telah terkebelakang dari jadual dan P.P boleh mengambil tindakan berdasarkan Klausula 51. Kontraktor Utama perlu mengambil tindakan terhadap Subkontraktor Dinamakan dan jika perlu mencadangkan kepada pihak Kerajaan untuk menamatkan kerja-kerja Subkontraktor Dinamakan.</p>

**SIRI JELAJAH PEMANTAPAN PENTADBIRAN KONTRAK  
SUBKONTRAKTOR DINAMAKAN**

BIL	SOALAN DAN JAWAPAN
30.	<p><b>Terdapat kes di mana Kontraktor Utama menyalahkan JKR apabila berhadapan dengan Subkontraktor Dinamakan yang bermasalah. Kontraktor Utama meminta Kerajaan menuntut dari bon Subkontraktor Dinamakan.</b></p> <p>Kontraktor Utama tidak sewajarnya menyeret JKR di dalam situasi ini sedangkan mereka yang memegang bon pelaksanaan Subkontraktor Dinamakan. Pihak JKR pula perlu berhati-hati dalam memberi jawapan kepada permasalahan Kontraktor Utama.</p>
31.	<p><b>(i) Bolehkah Kontraktor Utama tidak bersetuju dengan penamaan Subkontraktor Dinamakan?</b></p> <p>Kontraktor Utama boleh membantah penamaan Subkontraktor Dinamakan dengan alasan yang kukuh.</p> <p><b>(ii) Apa yang dimaksudkan dengan <i>reasonable objection</i> dari Kontraktor Utama ke atas Subkontraktor Dinamakan?</b></p> <p>Kontraktor Utama boleh membantah penamaan Subkontraktor Dinamakan sekiranya dikhuatiri Subkontraktor Dinamakan tersebut tidak berupaya menyiapkan kerja pada masanya melalui bukti-bukti yang ada.</p>